

25/08/1997

Harga Proton perlu munasabah

SHAH ALAM, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Proton perlu dikeluarkan pada harga munasabah untuk membolehkan kereta nasional itu bersaing di pasaran antarabangsa.

Menurut Perdana Menteri, pada masa ini Proton belum kompetitif di pasaran dunia dalam konteks harganya kerana model lain, contohnya, keluaran Korea Selatan lebih murah daripada kereta nasional.

Beliau berkata, kualiti kereta nasional bagaimanapun sama seperti kereta keluaran negara lain dan keadaan itu harus dikekalkan.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas melepaskan peserta Perlumbaan dan Karnival Merdeka Proton di Litar Shah Alam, di sini hari ini.

Turut hadir Pengerusi Kumpulan DRB-Hicom, Datuk Mohd Salleh Sulong.

Sebanyak 46 kereta pelbagai model Proton digunakan dalam oleh 92 peserta perlumbaan itu.

Beliau yakin kereta nasional yang menarik minat tempatan dan antarabangsa, mampu bersaing di pasaran dunia.

Katanya, Proton sedang berusaha mengurangkan kos dan pada masa yang sama mengekalkan kualitinya.

(END)